

24/01/2001

Myanmar mungkin bekalkan ikan

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan sedang mengkaji untuk menambah sumber bekalan ikan, termasuk mengimport dari Myanmar bagi menstabilkan harganya terutama pada musim perayaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan ke Myanmar baru-baru ini, menyarankan kemungkinan Malaysia mengimport ikan dari negara itu.

Beliau berkata, Perdana Menteri dimaklumkan bahawa Myanmar mengeluarkan kira-kira sejuta tan metrik ikan setahun, sedangkan rakyatnya kurang memakan ikan.

"Jika dibandingkan dengan Myanmar, pengeluaran ikan negara kita tiga kali ganda lebih sedikit, iaitu 300,000 tan metrik setahun.

"Justeru, kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang mengumpul maklumat bagi membolehkan bekalan ikan diperolehi dari luar negara," katanya.

Beliau berkata, melalui pengimportan itu kementerian berharap harga ikan akan lebih murah kerana bekalannya lebih banyak.

"Kalau harga sesetengah ikan kini ditawarkan RM10 sekilogram, mungkin dengan pengimportan itu nanti harganya boleh dikurangkan sehingga RM8 atau RM9 sekilogram," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Jamuan Hari Raya Bahagian Penguatkuasa kementeriannya di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Pahamin A Rajab, Timbalan Ketua Setiausaha, Khairuddin Mohd Sari dan Ketua Pengarah Penguatkuasa, Abdullah Nawawi.

Muhyiddin berkata, harga ikan di pasaran tempatan juga mahal berbanding bahan makanan lain.

Malah, katanya, mengikut Indeks Harga Pengguna (IHP), bahan makanan mendapat permintaan sehingga 40 peratus dan 30 peratus daripadanya membabitkan ikan.

Sehubungan itu, katanya, kementeriannya dan Kementerian Pertanian akan mengadakan perbincangan dengan wakil nelayan untuk mencari jalan bagi menambah bekalan ikan dan makanan laut lain.

Selain ikan, katanya, kementerian akan meneliti beberapa bekalan bahan makanan lain termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan bagi menampung permintaan dalam negeri.

Mengenai penguatkuasaan sembilan barang kawalan untuk perayaan Tahun Baru Cina, Muhyiddin berkata: "Kementerian belum menerima sebarang aduan orang ramai malah tidak ada kes dicatatkan sejak kawalan itu dikuatkuasakan 17 Januari lalu.

"Nampaknya peniaga mematuhi semua peraturan yang kita tetapkan dan pengguna memberi sambutan menggalakkan."

Muhyiddin berkata, mengikut kajian kira-kira 87 peratus pengguna berpuashati dengan skim penetapan harga barang kawalan.

"Hanya kira-kira 13 peratus kurang berpuashati dengan skim ini. Saya rasa 13 peratus itu adalah peniaga yang masih kurang faham dengan skim ini," katanya.

(END)